

**Muhyiddin Hadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Drb-Hicom
Bernama
2 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri anjuran DRB-Hicom di sebuah hotel di sini, Isnin.

Kehadiran beliau disambut Pengerusi DRB-Hicom Tan Sri Mohd Khamil Jamil.

Antara tetamu kenamaan yang hadir ialah Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Tan Sri Syed Hamid Albar.

Turut memeriahkan majlis 1,400 tetamu korporat kepada syarikat-syarikat di bawah kumpulan DRB-Hicom.

Pada majlis itu, Tengku Abdullah menyampaikan sumbangan hari raya kepada penghuni Rumah Amal Al Firdaus, Shah Alam manakala Muhyiddin menyampaikan sumbangan hari raya kepada penghuni Rumah Anak-anak Yatim Shifa, Gombak yang turut sama memeriahkan majlis.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974502>